



KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL USAHAWAN TEKUN NASIONAL DIBANJIRI 2,000 USAHAWAN DAN PENGUNJUNG

MELAKA, 15 FEBRUARI 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya TEKUN Nasional turun padang bagi mendekati usahawan di peringkat akar umbi dengan penganjuran program Karnival Usahawan TEKUN Nasional di Masjid Tanah Melaka. Dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Karnival ini berjaya mengumpul seramai 2,000 pengunjung terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Menurut YB Datuk Seri Mohd Redzuan, "MEDAC pada tahun ini akan lebih memberi penekanan kepada program peringkat akar umbi melalui pendekatan turun padang. Selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang memfokuskan keusahawanan sebagai antara inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup, rakyat secara amnya bolehlah memanfaatkan ekosistem keusahawanan yang ditawarkan oleh kerajaan sebaiknya". Tambah beliau, "Karnival seumpama ini dilaksanakan agar rakyat dekat dengan dasar dan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan, malah rakyat tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara serta kekal berdaya saing."

TEKUN Nasional telah diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana bagi merangsang pembangunan keusahawanan bersepadu dan holistik serta memantapkan keupayaan dan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Pelbagai agenda dan program telah dilaksanakan oleh TEKUN Nasional untuk manfaat rakyat di Malaysia khususnya dalam kalangan B40 dalam aspek pembiayaan dan permulaan perniagaan. Selaras dengan itu, TEKUN Nasional telah mengambil pendekatan melalui penganjuran karnival seperti ini dengan menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti jualan dan pameran usahawan melalui kluster perniagaan seperti makanan dan minuman, pertanian, kesihatan dan kecantikan serta perkhidmatan. Selain itu, terdapat juga jualan barangan borong dan pelbagai demonstrasi kraftangan. Disamping itu, para pengunjung juga boleh mengambil peluang untuk mendapatkan informasi penjana pendapatan melalui peluang perniagaan di dalam industri cendawan, ukiran dan juga cili fertigasi.

Sempena majlis ini, penyampaian Surat Tawaran Pembiayaan TEKUN kepada 4 orang usahawan TEKUN Masjid Tanah yang bernilai RM 162 ribu turut diadakan. TEKUN Nasional mengambil inisiatif dengan menjalinkan Kerjasama Program Pembangunan Usahawan dengan beberapa buah syarikat yang berpotensi seperti DXN Holdings, KWM Craft, Bio Integrasi Sdn Bhd, dan Inno Bayu Sdn Bhd bagi menyediakan peluang penjana pendapatan lestari untuk komuniti bandar dan luar bandar khususnya golongan ibu

tunggal dan golongan B40 dan juga menyediakan platform bersesuaian serta peluang pasaran yang lebih baik kepada usahawan-usahawan TEKUN.

YB Menteri MEDAC turut menyerahkan surat tawaran Program Tunas Usahawan Belia Daerah (TUAH) yang diselaraskan oleh SME Corp. kepada 2 orang usahawan belia dari negeri Melaka sebagai simbolik pelancaran Program TUAH yang akan dilaksanakan secara projek pilot di daerah Alor Gajah, Melaka pada tahun ini.

Bagi meningkatkan taraf ekonomi usahawan B40, pada tahun 2020 TEKUN telah memperuntukkan RM330 juta untuk disalurkan kepada 22,000 usahawan yang terdiri daripada kalangan peniaga kecil, penjaja (pasar malam, pasar tani), belia, wanita (ibu tunggal, suri rumah), dan pesara (kakitangan kerajaan & swasta). TEKUN Nasional juga mensasarkan penyaluran pembiayaan sebanyak RM13 juta kepada 825 orang usahawan di seluruh negeri Melaka bagi tahun 2020.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)

15 FEBRUARI 2020

Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Pn Noor Haslinda Md Arshad, Pegawai Perhubungan Awam, TEKUN Nasional di talian 018 - 376 7769 atau emel ke haslinda@tekun.gov.my.